

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: PPA UUM COB
Sent: Monday, 13 March, 2017 9:34 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik
Subject: MPP COB MUNCUL JUARA KESELURUHAN PERTANDINGAN BOLING PIALA PPA COB



Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

13 MAC 2017 / 14 JAMADILAKHIR 1438H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TEKEMUKA”
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum & salam sejahtera

MPP COB MUNCUL JUARA KESELURUHAN PERTANDINGAN BOLING PIALA PPA COB



PPA COB ONLINE: PPA UUM COB telah menganjurkan Pertandingan Boling Piala PPA UUM COB 2017 yang julung kali diadakan telah berjaya disempurnakan dengan kehadiran lima belas (15) Kelab/Persatuan di bawah PPA UUM COB, Majlis Perwakilan Pelajar COB dan pelajar mobiliti dari Jerman dan Indonesia.

Sebanyak 27 pasukan yang bertanding yang mana rata-rata kelab dan persatuan menghantar dua pasukan.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Muhammad Taqi'uddin b. Mohd Hamzah dan disusuli dengan perasmian dari Dekan Pembangunan Pelajar UUM COB, Dr. Hendrik bin Lamsali.

Pertandingan ini dijalankan bagi mengeratkan silaturahim, persefahaman dan semangat kerjasama berpasukan disamping mengeratkan lagi hubungan sedia ada antara Kelab/Persatuan dan pihak Pengurusan PPA UUM COB disamping dapat mencungkil bakat dalam sukan boling.

Tempat pertama berpasukan dimenangi oleh Persatuan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan mata kutipan sebanyak 1,922 pin, tempat ke- 2 & ke-3 dimenangi oleh Kelab Pengurusan Eksekutif (MEC) dengan jatuhan mata pin sebanyak 1,912 & 1,786, manakala tempat ke – 4 ialah Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni, PPA UUM COB (PPA UUM COB) dan diikuti Kelab Pentadbiran Muamalat (MUADS) di tempat ke- 5.

Manakala bagi Johan Perseorangan Lelaki pula dimenangi oleh Mohd Fahmi Yusairi b. Mohd Yusuff dari Kelab Pengurusan Eksekutif (MEC) dengan jatuhan pin sebanyak 518 dan 381 jatuhan pin bagi Johan Perseorangan

Wanita yang dirangkul oleh Nurul Fazlana Madihah bt Abdul Ghafar juga dari Kelab Pengurusan Eksekutif (MEC).

Tahniah kepada semua pemenang.

Habis.

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
☎ 04-928 6610
📠 04-928 6606
Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>
Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.